

GARIS PANDUAN BARU DALAM PELANTIKAN DEKAN/PENGARAH

1. Naib Canselor akan menulis kepada semua Profesor dan Profesor Madya Akademi/Fakulti/Pusat/Institut untuk menjemput mereka menghantar C.V. penuh bagi melayakkan menjadi calon pelantikan Dekan/Pengarah.
2. Pada masa yang sama, ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut boleh juga mengemukakan nama Profesor atau Profesor Madya untuk dicalonkan sebagai Dekan/Pengarah bagi pemilihan. Caranya ialah dengan tiga (3) orang ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut mengisi borang penamaan calon yang mana ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut yang dicalonkan dikehendaki menandatangani borang pencalonan sebagai tanda persetujuan. [Borang seperti dalam **Lampiran A**]
3. Oleh kerana Universiti Malaya sekarang sedang berusaha mencapai taraf institusi pengajian tinggi terbaik di dunia maka adalah menjadi harapan Universiti agar Dekan/Pengarah Akademi/Fakulti/Pusat/Institut yang dilantik mampu memimpin dan menggerakkan Akademi/Fakulti/Pusat/Institut dengan pantas ke tahap kecemerlangan akademik yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian, semua ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut diminta membuat pengundian calon dengan memberi pertimbangan khusus kepada ciri-ciri berikut:

- (1) mempunyai rekod akademik yang cemerlang dalam aspek pengajaran, penyelidikan, perundingan dan khidmat kepada masyarakat,
- (2) mempunyai rekod kecemerlangan dalam menjalankan penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan berkualiti (terutama dalam jurnal bertaraf ISI),
- (3) mempunyai pengalaman dan kemahiran berkesan dalam pentadbiran dan dipacu oleh wawasan yang jelas;
- (4) mempunyai kemahiran interpersonal yang cemerlang.

4. Profesor dan Profesor Madya yang berminat dipelawa mengemukakan *Curriculum Vitae* (C.V.) lengkap yang terkini kepada Naib Canselor dan dihantar ke alamat email dekan.um@gmail.com. Semua C.V. tersebut akan dipapar dalam laman web universiti <http:umportal.um.edu.my>. Hanya mereka yang mengemukakan C.V. penuh sahaja akan dipertimbangkan.

5. Semasa melakukan pengundian, ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut hendaklah memilih tiga (3) calon yang difikirkan layak untuk memegang jawatan Dekan/Pengarah. Ketiga-tiga nama calon dipilih mengikut keutamaan melalui kertas undi. Kaedah pemilihan adalah seperti berikut:

- (a) tiga (3) mata untuk pilihan pertama [P1]
- (b) dua (2) mata untuk pilihan kedua [P2]
- (c) satu (1) mata untuk pilihan ketiga [P3]

6. Ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut dikehendaki membuat undian **secara rahsia** seperti di perenggan 5 untuk calon pilihan masing-masing. Kertas undi hendaklah dimasukkan ke dalam peti undi yang disediakan oleh pihak Urusetia.

7. Ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut yang sedang bercuti belajar, cuti sabbatical atau cuti penyelidikan di luar negara akan diminta mengundi secara e-mel ke alamat dekan.um@gmail.com. Format pengundian adalah seperti di **Lampiran B**.

8. Sekiranya ahli Akademi/Fakulti/Pusat/Institut yang sedang bercuti sabbatical dicalonkan dan terpilih sebagai Dekan/Pengarah maka staf berkenaan dikehendaki memilih untuk sama ada menerima pelantikan dan menamatkan cuti atau sebaliknya.

9. Sekiranya pihak Naib Canselor hanya menerima tiga (3) nama calon atau kurang, maka tiada sebarang pengundian akan dijalankan.

10. Semua staf akademik Akademi/Fakulti/Pusat/Institut layak mengundi kecuali staf pelawat yang tempoh pelantikan mereka kurang dari 6 bulan. Staf akademik adalah terdiri daripada semua staf tetap, kontrak, staf pelawat, guru bahasa, pensyarah sementara, felo penyelidikan, profesor adjung dan karyawan tamu.

11. Contoh kertas undi adalah seperti dalam **Lampiran C**.

12. (a) Pegawai Tadbir di Pejabat Naib Canselor adalah merupakan Urusetia pusat untuk pemilihan.
(b) Pegawai Tadbir Akademi/Fakulti/Pusat/Institut adalah merupakan Urusetia kepada pemilihan di Akademi/Fakulti/Pusat/Institut.
13. (a) Kertas undi yang terdapat lebih dari 3 pilihan adalah dianggap tidak sah dan tidak diambilkira.
(b) Kertas undi yang terdapat hanya satu (1) pilihan akan diberi 3 mata untuk calon yang dipilih.
(c) Kertas undi yang terdapat dua (2) atau tiga (3) pilihan dengan kesemuanya ditanda P1 adalah dianggap tidak sah dan tidak diambilkira.
(d) Kertas undi yang terdapat dua (2) pilihan akan diberi 3 mata untuk pilihan pertama [P1] dan 2 mata untuk pilihan kedua [P2].
14. Pihak Urusetia Akademi/Fakulti/Pusat/Institut akan menyerahkan peti undi kepada Pejabat Naib Canselor untuk urusan pengiraan undi.
15. Selaras dengan Seksyen 21(4) Perlembagaan Universiti Malaya yang memperuntukkan kuasa kepada Naib Canselor untuk melantik Dekan/Pengarah, maka Naib Canselor akan melantik Dekan/Pengarah dari kalangan 3 calon yang mendapat markah tertinggi.
16. Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau percanggahan terhadap garis panduan ini, Naib Canselor boleh menggunakan budi bicaranya untuk membuat keputusan.

**PEJABAT NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYA**

BORANG PENCALONAN BAGI JAWATAN

**DEKAN/PENGARAH
AKADEMI/FAKULTI/PUSAT/INSTITUT _____**

Kami yang tersenarai di bawah mencadangkan:-

Profesor/ Profesor Madya _____

sebagai calon Dekan/Pengarah untuk Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

1) Nama : _____

No. Pekerja : _____

Tandatangan : _____

2) Nama : _____

No. Pekerja : _____

Tandatangan : _____

3) Nama : _____

No. Pekerja : _____

Tandatangan : _____

PENGESAHAN PERSETUJUAN OLEH CALON

Saya dengan ini bersetuju dengan pencalonan tersebut di atas.

Nama : _____

No. Pekerja : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

*** Bersama-sama ini disertakan salinan 'Curriculum Vitae' Calon Dekan/Pengarah yang lengkap dalam bentuk hardcopy. Salinan softcopy telah dihantar ke dekan.um@gmail.com**

LAMPIRAN B

FORMAT AYAT PENGUNDIAN SECARA EMEL

”Dear Vice-Chancellor,
My choices of candidates for the Dean of
Name of Academy/Faculty/Centre/Institute are as follows;-

- (1) P1 – Ng Swee Lan
- (2) P2 – Ahmad Farid
- (3) P3 – K. Gopalan

Thank you. “

Your name: _____

No. Siri:
Serial No.:

LAMPIRAN C
APPENDIX C

**KERTAS UNDI
BALLOT PAPER**

**PELANTIKAN DEKAN/PENGARAH
APPOINTMENT OF DEAN/DIRECTOR**

**AKADEMI/FAKULTI/PUSAT/INSTITUT _____
ACADEMY/FACULTY/CENTRE/INSTITUTE OF _____**

Sila tulis tiga keutamaan dengan 'P1' adalah pilihan pertama dan 'P3' adalah pilihan terakhir setentang nama calon.

Please write three priorities with 'P1' being the first priority and 'P3' the last priority against the name of the candidate.

Pilihan (Choice)	Agihan Mata (Allocation of Points)
P1	Tiga (3) mata (<i>Three (3) points</i>)
P2	Dua (2) mata (<i>Two (2) points</i>)
P3	Satu (1) mata (<i>One (1) point</i>)

Nama Calon (Name of Candidate)	Keutamaan Pilihan (In Order of Priority)
Ahmad Farid	P2
K. Gopalan	P3
Lim Sui Leng	
Md Ali Kadir	
Ng Swee Lan	P1
Ramlah Osman	

Tandatangan Urusetia Pusat 1
(Mahamad Apandi bin Khalib)
Timbalan Pendaftar (Canseleri)

Tandatangan Urusetia Pusat 2
(Jamaludin bin Yacob)
Ketua Penolong Pendaftar (Canseleri)